



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892208
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/56 Jld. 8 (14)
Tarikh : 28 Disember 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N32 KE GRED N36
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN 2022**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan maklumat Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N32 yang layak dipertimbangkan permohonan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N32 **pada 31 Disember 2013 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N32 berubah ke tarikh 1 Januari 2014 dan seterusnya;**
- 2.3 Markah LNPT tahun terkini (2020) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2018, 2019, 2020) tidak kurang **80%**;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

...2/

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SIJIL : QMS 01894

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti disertakan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat pegawai terlibat berdasarkan kepada format yang dilampirkan di **Lampiran E** dan mengemukakan ke Jabatan ini di alamat e-mel seperti di perenggan 5 dan juga mengemukakan semua **Lampiran (A, B, C dan D)** berkenaan **sebelum atau pada 28 Januari 2022** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja dikemukakan kepada Jabatan ini**. Selain itu, BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|--|---|--------------|
| i. | Puan Haslina binti Awang Din
haslina.din@jpa.gov.my | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Encik Muhd Syukor bin Abdul Hamid
syukor.hamid@jpa.gov.my | - | 03-8885 4171 |

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my